



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 JANUARI 2023 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

15 JANUARI 2023 (AHAD)

KRISIS AYAM DAN TELUR

Bantu penternak kecil bersaing dengan kartel

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bagi memastikan harga ayam dan telur tidak terus jadi kebimbangan rakyat, kerajaan wajar membantu penternak kecil agar dapat bersaing dengan kelompok kartel bagi memastikan kelompok itu tidak berterusan menguasai industri.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, sumber industri memberitahu, hasrat kerajaan mahu mengkaji semula harga siling ayam di peringkat runcit tidak memberi kesan kepada kartel yang berada di peringkat ladang, sebaliknya menjejaskan peruncit kecil.

Walau bagaimanapun katanya, jika kerajaan mengacau margin keuntungan kumpulan kartel itu, mudah untuk mereka 'memboikot' sekali lagi memandang kelompok terbabit mengawal industri secara total.

"Mereka (kartel) nak boikot memang amat senang, bakar sahaja anak ayam seperti sebelum ini. Jadi bekalan akan berkurang, permintaan meningkat kemudian boleh letak harga tinggi.

"Ini sebab anak dan dedak ayam semua datang daripada mereka. Sepatutnya bukan mengkaji harga siling tetapi cari cara bagaimana nak hasilkan dua bahan itu untuk dibekalkan kepada pemain-pemain industri kecil ni baru boleh patahkan usaha kartel," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, kerajaan bersedia mengkaji semula harga siling ayam di peringkat runcit dalam masa terdekat ekoran bekalan ayam segar di seluruh negara sudah pulih seperti sebelum ini.

Bersambung di muka 2



PEMANDU lori telur, Khiruzian Ramli mengangkat stok telur untuk diagihkan kepada kedai-kedai di Pasar Besar Alor Setar, Kedah baru-baru ini. - MINGGUAN/ SHAHIR NOORDIN

Bantu penternak kecil bersaing dengan kartel

Dari muka 1

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPNS), Mohd. Muzamri Shoib berkata, sebagai penternak kecil mereka akan menerima apa sahaja keadaan pasaran ketika ditanya berkenaan usaha kartel mensabotaj usaha kerajaan.

Jelasnya, mereka kini berada dalam situasi 'bertahan' dengan bantuan subsidi oleh kerajaan namun hanya satu

pertujuh diterima mereka sebagai penternak kontrak dan selebihnya diberi kepada integrator sedangkan yang menanggung risiko adalah pemain kecil.

"Ini tidak adil dan kebanyakan penternak kontrak di kalangan kami mula berhenti menternak disebabkan kerugian. Bagi melindungi penternak, kerajaan wajib mewujudkan harga lantai bagi ayam disebabkan ketidakadilan pembahagian subsidi ini.

"Selain itu, memperkasakan penternak kecil kerana apabila kami ramai dan bersatu padu akan dapat beri tekanan kepada kartel. Nyah sentralisasi adalah penting untuk mengurangkan pengaruh pemanipulasi pasaran," katanya.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya punca harga dan bekalan kembali sedikit stabil selepas Pilihan Raya Umum Ke-15, Mohd. Muzamri berkata, ia didorong keadaan ekonomi semasa dan gerak kerja oleh kerajaan itu sendiri.

"Ini disebabkan pengukuhan nilai ringgit yang mana mengurangkan kos import bahan mentah dan ia juga berpunca daripada pembayaran subsidi oleh kerajaan dengan cepat, jadi hasilnya adalah seperti sekarang.

"Namun, kerajaan jangan leka dengan perkara ini. Segala perancangan untuk menjatuhkan nilai pasaran ayam daging akan berlaku jika tidak ada kawalan," jelasnya.

Supply, price of cooking oil to stabilise in near future

JOHOR BARU: The price and supply of cooking oil will stabilise once the shortage of workers in the plantation sector is addressed, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said this was among the issues raised by industry players.

"We are in the final stages of discussion with industry players from the palm oil sector, and they have pointed out that among the major issues they faced was the lack of foreign workers.

"They are hoping the problem can be resolved as soon as possible.

"They have also expressed their willingness to further discuss stabilising the price of cooking oil once they have enough workers," he said after launching a calligraphy competition in conjunction with Chinese New Year at Paradigm Mall here.

He said the Cabinet also made an important decision last week to speed up the process of bringing in foreign workers.

"The Cabinet aims to have ample foreign manpower, especially in the construction and plantation sectors, in the next three months," he said.

On a separate matter, Salahuddin said the supply of eggs is expected to be stable soon.

"Currently, there is a slight shortage in egg supply, but we expect it to return to normal in the next few months," he said.



HARI : AHAD
TARIKH : 15/1/2023
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29
• Daging Lembu Import	RM55.80
• Telur Gred A	RM13.50
• Ikan Kembung	RM15.99
• Minyak Masak	RM6.90
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM3.99
• Bawang Putih	RM4.88
• Cili Merah	RM9.49
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandum	RM3.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Jan	Bekalan, harga minyak masak stabil apabila pekerja cukup	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/bekalan-harga-minyak-masak-stabil-apabila-pekerja-cukup/	UM
15-Jan	KPDN jangka isu bekalan minyak masak dapat diatasi	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/55274-kpdn-jangka-isu-bekalan-minyak-masak-dapat-diatasi	BERITARTM
15-Jan	Bekalan, harga minyak masak dijangka stabil - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240616	SH
15-Jan	Prices of cooking oil to stabilise once manpower issue sorted, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/14/prices-of-cooking-oil-to-stabilise-once-manpower-issue-sorted-says-salahuddin	THESTAR
15-Jan	No egg export ban despite shortage, says minister	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/870217/no-egg-export-ban-despite-shortage-says-minister	NST
15-Jan	Jumlah pekerja asing diumumkan pada Mac - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/240611	SH
15-Jan	'Pekerja masuk, isu bekalan minyak masak selesai'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1051971/pekerja-masuk-isu-bekalan-minyak-masak-selesai	BH
15-Jan	Bekalan, harga minyak masak dijangka stabil selepas masalah pekerja asing selesai	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2156284	BERNAMA
15-Jan	Solving labour shortage key to stabilising cooking oil price: Salahuddin	https://www.thevibes.com/articles/news/82834/solving-labour-shortage-key-to-stabilising-cooking-oil-price-salahuddin	THEVIBES
15-Jan	Bekalan, harga minyak masak dijangka stabil selepas masalah pekerja asing selesai	https://tvstv.my/2023/01/14/bekalan-harga-minyak-masak-dijangka-stabil-selepas-masalah-pekerja-asing-selesai/	TVSTV
15-Jan	Bekalan dan harga minyak masak stabil	https://malaysiagazette.com/2023/01/14/bekalan-dan-harga-minyak-masak-stabil/	MALAYSIAGAZETTE
15-Jan	Bekalan, harga minyak masak stabil selepas masalah pekerja asing selesai	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-harga-minyak-masak-stabil-selepas-masalah-pekerja-asing-selesai-401923%3famp=1	ASTROAWANI
15-Jan	Cubaan seludup petrol, minyak masak subsidi gagal	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/01/1051979/cubaan-seludup-petrol-minyak-masak-subsidi-gagal	BH
15-Jan	Supply, price of cooking oil to stabilise once labour shortage resolved	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/15/supply-price-of-cooking-oil-to-stabilise-once-labour-shortage-resolved	THESTAR
15-Jan	29,000 litres subsidised diesel bust	https://www.dailyexpress.com.my/news/206000/29-000-litres-subsidised-diesel-bust/	DAILYEXPRESS
15-Jan	Memahami implikasi kenaikan OPR	https://bit.ly/3kcpfSx	SH